

MEMO
BAHAGIAN KEWANGAN

Daripada	SUB (K)		
Kepada	SEPERTI SENARAI EDARAN		
Rujukan kami : KKR.BK.100-4 Jld.4 (23)	Tarikh : 26 November 2019	Rujukan Tuan:	Tarikh :

Tuan/Puan,

**KAWALAN DALAMAN BAGI PELAKSANAAN BENGKEL/ KURSUS/ RETREAT
OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA : PELAKSANAAN DI PREMIS HOTEL
BERTARAF 4 BINTANG DAN KE BAWAH**

2. Seperti mana tuan/puan telah sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia telah memberikan kelonggaran terhadap Kementerian untuk melaksanakan program latihan secara pakej di premis hotel selain di Institut Latihan Awam (ILA) melalui PK 7.2 - Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej. Dalam konteks ini, pelaksanaan program di premis hotel adalah dibenarkan dengan syarat mematuhi peraturan yang digariskan dalam Pekeliling berkenaan.
3. Walau bagaimanapun, semua Bahagian adalah diingatkan untuk memastikan perbelanjaan semasa menganjurkan program bengkel/kursus/retreat di premis selain di ILA adalah secara sederhana dan berdasarkan kepada keperluan sahaja bagi mengelakkan pembaziran wang awam.
4. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha KKR telah memutuskan bahawa pelaksanaan bengkel/kursus/retreat di premis hotel selain ILA **dihadkan kepada premis hotel yang dikelaskan sebagai 4 bintang dan ke bawah** mengikut pengelasan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
5. Tarikh kuat kuasa arahan dalaman ini bermula pada tarikh memo ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(IZAMAEL ZAMZURI BIN ISMAIL)

Samb : 4300

E-mel : izamael@kk.gov.my

SENARAI EDARAN

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Penswastaan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Antarabangsa

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancang Jalan

Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Fasiliti

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Korporat

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

Ketua Akauntan
Bahagian Akaun

Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat

Ketua Unit Audit Dalam
Unit Audit Dalam

Pengarah
Unit Integriti

KPSU (K) 1

KPSU (K) 2

KPSU (K) 3

KPSU (K) 4